

**SUMBER-SUMBER PENDIDIKAN ISLAM**

**GC 6423**

**TAJUK: KEDUDUKAN 'URUF SEBAGAI SUMBER DALAM PENDIDIKAN ISLAM**



**Oleh : YULIZAR BILA BIN ZAMRI  
P 36866**

**DISEDIAKAN UNTUK MELENGKAPI TUGAS SUMBER-SUMBER  
PENDIDIKAN ISLAM**

**Pensyarah : Dr AB HALIM BIN TAMURI**

**JABATAN PENDIDIKAN ISLAM  
FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
2007**

**Kandungan**

<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>2.0 Definisi 'Uruf/Adat</b>	<b>2</b>
2.1 Definisi 'Uruf	2
2.2 Definasi Adat	3
<b>3.0 Maksud dan Pembahagian 'Uruf</b>	<b>3</b>
3.1 Maksud 'Uruf	3
3.2 Pembahagian 'Uruf	4
<b>4.0 Pendapat-penadapat ulama tentang 'uruf</b>	<b>6</b>
<b>5.0 Kaedah-kaedah Hukum yang berhubungkait dengan 'Urf/Adat</b>	<b>9</b>
<b>6.0 Elemen-elemen Adat dalam Hukum positif</b>	<b>12</b>
6.1 Elemen materi: kebiasaan	12
6.1.1 Syarat-syarat adat yang membentuk elemen Tradisi	12
6.2 Elemen maknawi: Keyakinan Keharusan Mengikuti Adat	13
<b>7.0 Elemen-elemen adat dalam hukum Syar'i</b>	<b>13</b>
7.1 Elemen materi dalam fikih islam dan syarat-syarat yang di tuntutan di dalamnya	14
7.1.1 Syarat-syarat adat yang menjadi elemen materi tradisi dalam fikih islam	14
7.2 Elemen maknawi adat dalam fikih islam	15
<b>8.0 Pelaksanaan 'Uruf dalam Aspek-Aspek Pendidikan Islam</b>	<b>15</b>
8.1 Aspek Guru	15
8.2 Aspek Pelajar	16
8.3 Aspek Kurikulum dan Kokurikulum	16
8.4 Aspek Kaedah atau Method	16
8.5 Aspek Pentadbiran	16
<b>9.0 Kedudukan 'uruf</b>	<b>17</b>
<b>10 Kesimpulan</b>	<b>17</b>
<b>Rujukan</b>	<b>18</b>

## **KEDUDUKAN ‘URUF SEBAGAI SUMBER DALAM PENDIDIKAN ISLAM**

### **1.0 Pengenalan**

Sumber ajaran islam ada tiga: 1. Al-Quran, 2. al-Hadits 3. akal fikiran/rakyu. Ketiga-tiganya merupakan satu rangkaian kesatuan dengan urutan keutamaan yang telah baik, tidak boleh diubah-ubah. Al-Quran yang berisi wahyu dan al-Hadist yang memuat hadis atau sunnah merupakan sumber utama, sedangkan rakyu/akal pikiran merupakan sumber tambahan atau sumber pengembangan. Muhammad Daut Ali (1998)hal 130

Pendidikan Islam pada masa ini menghadapi cabaran. Cabaran itu datang dari dunia pendidikan yang bersumberkan kepada adat atau tradisi yang tidak sesuai dengan ajaran islam. Pendidikan seperti ini adalah sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh dunia barat. Untuk menghadapi hal tersebut penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan Islam sangat diperlukan, terutama yang bersumberkan kepada Kitabullah wa Sunnah Rasulullah SAW dengan tidak meninggalkan nilai-nilai murni yang berasaskan kepada akal, seperti; nilai adat atau kebiasaan (tradisi) yang tidak bertentangan dengan Sunnatullah.

Masyarakat tradisi masih berbentuk teras asas dalam dunia islam. Ia masih mempercayai wahyu Allah yang tersimpan dalam Al-Quran dan bergantung kepada Sunnah untuk mentakrifkan dan memadukan. Ia mendapati dalam tradisi pramodial ini dan norma nilai, dengan pertolongan itulah ia mendirikan keunggulan 'manusia yang baik' dan 'kehidupan yang baik'. Ia memeriksa sejarah tamadun islam dalam zaman awalnya untuk memberikan kepada ahli-ahlinya harapan yang unggul dan pola kehidupan.

Struktur atau susunan nilai melahirkan tenaga secara kolektif terhadap matlamat yang di tuju. Dengan itu masyarakat mencapai kepaduan dalam perbezaan, suatu keadaan yang harus diterima dalam bentuk peristiwa agama dan sosial seperti istiadat Akekah dan Bismillah, sembahyang Jumat berjemaah, Asyura, Ibadah haji, berpuasa dalam bulan Ramadhan, Hari raya puasa dan Hari Raya Korban. Dengan itu imaginasi orang islam dikuasai setengah imej (image) promodial atau berbentuk asal,

seperti Rasulullah SAW sendiri, Pahlawan, Aulia atau Sufi orang-orang yang bertaubat.

Oleh itu masyarakat tradisi menyayangi institusi yang membantunya mengekalkan dan menyelenggara struktur itu dan menjadikannya hierarki nilai yang logik. Dengan itu penyelarasan tindakan sosial dalam masyarakat tradisi mungkin berlaku, oleh itu nilai yang dikaitkan dengan institusi-institusi ini (seperti masjid, aulia, ulamak dan madrasah) dan konsep umum mengenai kehidupan, sifat antarabangsa institusi-institusi dan imej ini, dan sifat pertama tradisi, memberi kepada dunia islam tujuan dan alat umum untuk perhubungan.

Sumber fikih islam yang menjadi rujukan kaedah hukumnya dalam pandangan Fuqaha ada empat, iaitu Al-Quran, Sunnah Nabawiyah, Ijma' ulama, dan qiyas. Tetapi selain dari empat sumber asas tersebut juga terdapat beberapa sumber lain yang ditunjukkan Al-Quran dan sunnah atas penilaiannya secara syar'iy. Antaranya yang penting adalah istihsan, maslahat mursalah, dan tradisi. Semua sumber ini akhirnya kembali kepada Al-Quran dan Sunnah.

Dari keterangan tersebut nampak jelas bahawa tradisi dalam fikih islam di nilai sebagai sumber hukum yang melengkap setelah nash syar'iy dalam tingkatannya diatas sumber-sumber pelengkap yang lain.

## **2.0 Definisi 'Uruf/Adat**

### **2.1 Definisi 'Uruf**

Menurut Al-Ghazali dalam kitab Al-Mustashfa:

العادة والعرف ما استقر في النفوس من جهة العقول وتلقته الطباع السليمة بقبول

Maksudnya: "*Sesuatu yang telah menjadi mantap/kuat di dalam jiwa dari segi akal, dan dapat diterima oleh fikiran yang sehat/baik.*"

## 2.2 Definisi Adat

Adat dalam pandangan pakar hukum Positif adalah kebiasaan manusia atas perilaku tertentu dalam salah satu sisi kehidupan sosial mereka sehingga muncul darinya kaedah yang di yakini secara am dan harus di hormati sebagai undang undang-undang.

Dalam pandangan pakar hukum Islam, adat adalah”apa yang boleh dilakukan oleh majoriti manusia, baik dalam bentuk ucapan ataupun perbuatan, secara berulang-ulang, hingga meresap dalam jiwa dan diterima dalam pikiran mereka”.Atau “apa yang telah dikenal dalam ucapan atau perbuatan” atau “ apa yang telah di kenal manusia dan mereka lakukan atau tinggalkan tentang ucapan atau perbuatan.”

## 3.0 Maksud dan Pembahagian 'Uruf

### 3.1 Maksud 'Uruf

'Uruf Merupakan salah satu sumber hukum yang diambil dari mazhab Hanafy dan Maliky, yang berada di luar lingkup nash. 'Uruf (tradisi) adalah bentuk-bentuk mu'amalah (hubungan kepentingan) yang telah menjadi adad kebiasaan, dan telah berlangsung lama di tengah masyarakat. Dan ini termasuk salah satu sumber hukum (ashl)dari ushul fiqh yang diambil dari intisari sabda nabi Muhammad saw:

ما راه المسلمین حسنا فهو عند الله امر حسن

Maknanya: *"Apa yang di pandang baik kaum muslimin, maka menurut Allah pun digolongkan sebagai perkara yang baik".*

Hadits ini, baik dari segi ibarat mahupun tujuannya, menunjuk bahawa setiap perkara yang telah mentradisi dikalangan kaum muslimin dan dipandang sebagai perkara yang baik, maka perkara tersebut juga dipandang baik di hadapan Allah. Menentang 'Uruf (tradisi) yang telah di pandang baik oleh masyarakat akan menimbulkan kesulitan dan kesempitan. Allah berfirman:

ما جعل الله عليكم في الدين من حرج

Maknanya: *"Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu agama suatu kesempitan"*

Oleh itu, Ulama Madzhab Hanafy dan Maliky mengatakan bahawa hukum yang ditetapkan berdasarkan urf yang shahih (benar), bukan yang fasit (rusak/cacat), sama dengan yang ditetapkan dalil syar'iy/secara lebih singkat, pensyarah kitab "*Al-Asybah wa an-Nazhair*" mengatakan:

الثابت بالعرف ثابت بالادلة شرعية

Maksudnya: *Suatu hukum yang ditetapkan berdasarkan 'urf sama dengan suatu hukum yang ditetapkan berdasarkan dalil syar'iy.*"

Imam Sarkhasi dalam kitab "*al-Mabsudh*" berkata: "

الثابت بالعرف كالثابت بالنص

Maksudnya: *"Apa yang ditetapkan berdasarkan 'urf statusnya sama seperti yang ditetapkan berdasarkan nash."*

Yang dimaksud dengan ucapan itu ialah bahawa yang ditetapkan berdasarkan 'urf sama dengan yang ditetapkan berdasarkan dalil syar'iy yang sederajat dengan nash sekiranya tidak terdapat nash.

Para ulama menyatakan bahawa 'urf merupakan salah satu sumber istinbat hukum, menetapkan ia boleh menjadi dalil jika tidak ditemukan nash dari kitab Al-Quran dan Sunnah (hadits) . apabila suatu 'uruf bertentangan dengan kitab atau Sunnah seperti kebiasaan masyarakat di suatu zaman melakukan perbuatan yang diharamkan semisal minum arak atau makan riba, maka 'uruf mereka di tolak (mardud)sebab dengan diterimanya urf itu berarti mengepingkan nash-nash yang pasti (qath'iy; mengikut hawanafsu; dan membatalkan syariat. Kerana kehadiran syari'at bukan dimaksudkan untuk melejitimasikan belakunya mafasid(berbagai kerusakan dan kejahatan) semua kegiatan menuju kearah tumbuh dan berkembangnya kemafasadatan harus segera di berantas.

### 3.2 Pembahagian 'Uruf

1. 'Urf yang fasid (rusak/jelek) yang tidak boleh diterima, iaitu 'Urf yang bertentangan dengan nash qath'iy.
2. 'Urf yang shahiah (baik/benar). 'Uruf yang kedua ini boleh di terima dan di pandang salah satu sumber asas hukum islam.

Urf yang shahiah ada dua:

1. 'Urf am iaitu urf yang telah disepakati masyarakat di seluruh negeri, seperti mandi dikolam, dimana sebahagian orang melihat aurat temannya, dan 'akad istishna (peburuhan). 'Ulama mazhab Hanafy menetapkan bahawa 'urf am dapat mengalahkan qiyas, yang kemudian dinamakan istihsan 'urf. 'Urf ini dapat mentakhshis nas yang 'am yang bersifat zhanny, bukan yang qath'iy.

Di antara contoh meninggalkan keumuman dari nash zhanny kerana adanya 'urf ialah larangan nabi SAW mengenai jual beli yang disertai dengan adanya syarat. Dalam hal ini, Jumhur 'ulama mazhab Hanafy dan Maliky menetapkan kebolehan diberlakukannya semua syarat, jika memang berlakunya syarat itu di pandang telah menjadi 'urf (tradisi).

Akan tetapi apa sesungguhnya 'urf Aam yang dapat *mentakhsiskan nas 'am yang zhanny* dan dapat mengalahkan qiyas? Dalam hubungan ini, kami temukan alasan yang dikemukakan oleh *fuqaha'* tentang dibolehkannya meninggalkan qiyas dalam '*aqad istishna'* sebagai berikut: "*Menurut qiyas, aqad istishna* tidak diperbolehkan. Akan tetapi kami meninggalkan dalil qiyas kerana aqad tersebut telah berjalan ditengah masyarakat tanpa seorangpu yang menolak, baik dari kalangan sahabat, tabi'in, mahupun ulama-ulama sesudahnya sepanjang masa.

Ini merupakan hujjah yang kuat yang dapat dijadikan alasan untuk meinggalkan dalil qiyas." 'Urf seperti ini dibenarkan berdasarkan ijma'. Bahkan tergolong macam ijma' yang palig kuat kerana di dukung, baik oleh kalangan mujtahid mahupun diluar ulama-ulama mujtahid; oleh golongan sahabat mahupun orang yang datang setelahnya.

Oleh kerana itu dapat disimpulkan bahawa 'urf 'am ialah 'urf yang beralku diseluruh negeri tanpa memandang kepada kenyataan pada abad-abad yang telah lalu.

2. 'Urf khas, iaitu 'urf yang dikenal berlaku pada suatu Negara, wilayah atau golongan masyarakat tertentu, seperti ;urf yang berhubungan dengan perdagangan, pertanian dan lain-lain. 'Uruf ini tidak boleh berlawanan dengan nash, Tetapi boleh berlawanan dengan qiyas yang illatnya ditemukan tidak melalui jalan yang qath'iy, baik berupa nash mahupun yang menyerupai nash dari segi jelas dan terangnya.

Hukum yang ditetapkan qiyas zhanny akan selalu berubah selari dengan perubahan zaman. Kerananya para ulama berpendapat bahawa ulama *mutaakhhirin* boleh mengeluarkan pendapat yang berbeza dari Mazhab Mutaqaddimin. Kerena dalam menerapkan dalil qiyas mereka sangat terpengaruh oleh 'urf-'urf yang berkembang dalam masyarakatnya pada waktu itu. Dalam hubungan ini Ibnu Abidin berkata:

*"Masalah-masalah fihiyah adakalanya ditetapkan hukumnya berdasarkan nash yang syariah (jelas) dan adakalanya ditetapkan melalui cara ijtihad. Pada umumnya Mujtahid menetapkan hukum berdasarkan 'urf yang berkembang pada zamannya dimana seandainya ia berada pada zaman yang lain dengan 'urf yang baru, niscaya ia akan mengeluarkan pendapat bahawa seorang mujtahid harus mengenali adat-adat yang berlaku di tengah masyarakat Dapat dimengerti kalau terdapat banyak ketetapan hukum yang bebeza lantaran perbezaan zaman. Dengan kata lain, seandainya dictum suatu hokum tetap dipertahankan seperti sediakala, niscaya akan menimbulkan musyaqqat dan kemudharatan terhadap manusia. Juga bertentangan dengan kaedah-kaedah syariah yang didasarkan pada takhfif (meringankan) dan taysir (memudahkan), serta dafu adhdharar wa al-fasad (menghindarkan dan menolak kemudharatan dan kerosakan) demi terciptanya tatanan masyarakat yang baik dan kokoh."*

#### **4.0 Pendapat-penadapat ulama tentang 'uruf**

- 4.1 junhur fuqaha, berpendapat bahawa mayoriti tradisi dalam bentuk amali, itu kekuatannya datangketika ditetapkan kembali oleh ijma' sukuti, seperti jual beli mu'athah dan akad istishna, atau ijma' yang diketahui ada orang yang

menentanginya. Bahkan sebahagian ulama berpendapat bahawa ijma' pada awalnya adalah tradisi penduduk madinah kemudian berkembang setelah itu, menjadi ijma' ualam setiap masa.

- 4.2 Mazha hanafi mendahulukan tradisi atas qiyas yang kontradiksi dengan. Sebab qiyas yang konklusinya menyalahi tradisi yang berlaku akan berdampak pada kesempatan, sehingga meninggalkan hukum qiyas dan mengamalkan tradisi merupakan bentuk istihsan yang di dahulukan atas qiyas.
- 4.3 Imam Malik menilai tradisi sebagai bentuk maslahat mursalah, sehingga beliau menjadikan tradisi sebagai pengkhususan nash syar'iy.
- 4.4 Imam Ahmad bin Hanbal berpedoman kepada tradisi ketika menerapkan hukum dan menafsirkan nash-nash syari'ah.
- 4.5 Mazhab Ja'fari mendahulukan makna tradisi atas makna lughawi dalambidang pengamalan dan ketetapan terhadap hukum, selama tidak terdapat makna syar'iy untuknya.
- 4.6 'Urf dan adat menurut al-Ghazali mempunyai erti yang sama (kata yang muroddif/sinonim).
- 4.7 Al-Ghazali membagi 'Uruf kepada dua:
  1. 'Urf /adat yang sehat/baik, ialah 'urf atau adat yang telah dikenal oleh masyarakat, dan tidak bertentangan dengan dalil syar'iy, tidak menghalalkan yang diharamkan dan tidak membatalkan suatu kewajiban. Misalnya kebiasaan manusia ishtisna (sudah dibayar harganya, tetapi barangnya masih akan dibuat), dan apa yang diserahkan oleh peminang kepada gadis pinangnya berupa perhiasan dan pakaian itu adalah hadiah bukan mahar.
  2. 'Urf atau adat yang tidak sah, ialah 'urf/adat yang dilaksanakan tetapi bertentangan dengan agama, atau menghalalkan yang haram, atau membatalkan kewajiban. Misalnya kebiasaan masyarakat tentang upacara-upacara selamatan pada hari peringatan kelahiran atau kematian, kebiasaan berjudi, dan minum-minuman keras.

Hukum 'urf /adat yang sah bagi mujtahid, wajib diperhatikan sebagai bahan pertimbangan untuk penetapan hukumnya. Demikian pula bagi hakim wajib

memperhatikan 'urf yang baik sebagai bahan pertimbangan keputusannya. Kerana itu dalam kaedah fiqhiyah di nyatakan:

العادة الشرعية محكمة

Maknanya: "*Adat kebiasaan itu menjadi aturan hukum yang di kokohkan*"

Kerana itu, kita bisa melihat Imam Malik tidak sedikit mendasarkan fatwa-fatwa hukumnya atas praktik penduduk madinah, yang bererti tradisi penduduk madinah. Imam Abu Hanifah banyak berbeza dengan sahabat-sahabat atau murid-muridnya yang terkemuka, seperti Zufar, Muhammad, dan sebagainya kerana perbezaan 'Urf atau adat mereka. Imam Syafi'i setela tinggal di Mesir, mengubah sebahagian fatwa-fatwa hukumnya yang telah dikeluarkan di Iraq, kerana perbezaan adat Iraq dan Mesir, sehingga ada mazhab qadim dan jaded dalam mazhab Syafi'i.

Di dalam kitab fiqh mazhab Hanafi, kita akan menjumpai banyak hukum yang didasarkan atas adat. Misalnya, jika terjadi dua orang yang berselisih tentang hak, dan tiada seorangpun dari keduanya punya bukti atas haknya itu, maka yang dimenangkan ialah orang yang didukung oleh adatnya. Dan barang siapa yang bersumpah: "tidak akan makan daging", lalu ia makan ikan laut, maka ia di pandang telah melanggar sumpahnya, kerana menurut adat ikan itu juga daging.

'Urf atau adat yang tidak baik, maka ia tidak boleh di terima, kerana bertentangan dengan dalil syara' atau membatalkan hokum syara'. Misalnya, membuat transaksi dengan dengan rente atau riba, transaksi yang mengandung penipuan atau risiko. Dan sebenarnya bukan agama islam sahaja yang menolak adat yang tidak baik itu, melainkan juga hokum Negara tidak bisa menerima dan mengakui hokum adat yang melanggar hokum tata Negara dan ketertiban umum.

Perlu diketahui, bahawa hukum-hukum syara' yang semula didasarkan kepada 'Uruf, kemudian 'uruf itu berubah, dan datang 'urf baru, maka menurut Yusuf dari ulama Hanafi dan kebanyakan ulama berpendapat, bahawa hukum syara' itu berubah mengikuti perkembangan 'urf yang berkaitan. Sedangkan menurut Abu Hanifah dan Muhammad bin Hasan, tetap berpegang kepada 'urf yang lama waktu datangnya nash yang berhubungkait.

Misalnya, agama menetapkan untuk gandum, kurma, dan garam, yang mau di jual belikan/ditukar perlu di kira dengan alat tertentu, seperti mud, sha', rithl, dan sebagainya. Kemudian jika adat ini berubah dengan menimbanginya dengan alat timbangan lain, maka menurut Abu Hanifah dan Muhammad bin Al-Hasan, tetap memakai adat lama. Sebab bila memakai adat baru, terjaidlah riba. Sedangkan menurut Abu Yusuf dan kebanyakan ulama bukan Hanafi, harus menyesuaikan dengan 'urf yang baharu.

Menurut Abdul Waha Khalaf, 'urf pada hakikatnya bukan dalil syara' yang berdiri sendiri. Ia pada umumnya termasuk memelihara masalah mursalah. 'urf sebagaimana harus dipertimbangkan dalam menetapkan hukum, juga harus dipertimbangkan dalam menafsirkan nash, seperti *takhshishul 'am dan taqyidul muthlaq* dengan 'urf. Dan kadang-kadang qiyas ditinggalkan kerana ada 'urf yang lebih sesuai. Seperti transaksi /akad dengan sistim salam atau istishna' dianggap sah, kerana sudah membudaya di masyarakat ('urf), sekalipun menurut qiyas transaksi semacam itu tidak sah, kerana barangnya belum atau tidak ada pada waktu melaksanakan transaksi/akad.

### **5.0 Kaedah-kaedah Hukum yang berhubungkait dengan 'Urf/Adat**

'Urf /adat adalah merupakan hukum yang tertua yang berlaku di setiap Negara. Demikian pula dengan Negara kita yang hingga kini masih mengenal tiga system hukum, iaitu Hukum Adat, Hukum Islam dan Hukum Barat. Dengan demikian hukum yang tertua diantara ketiga hukum tersebut ialah Hukum Adat. Sebab ada dan belakunya hukum adat itu bersamaan dengan adanya dan hidupnya kebudayaan bangsa Indonesia sendiri sebagai salah satu aspek dari kehidupan budaya kita.

Sikap Islam terhadap adat yang telah membudaya di masyarakat sangat bijaksana. sebab setiap adat yang mengandung unsur positif dan bermasalah bagi masyarakat, di lestarian oleh Islam disempurnakan. Sebaliknya sumua adat yang mengandung unsur negative/mudarat bagi masyarakat, maka dihapuskan dengan bijaksana.

Kerana itu, syariat islam menjadikan adat/'urf sebagai salah satu sumber ataupun dasar hkum islam. Dan Imam Malik menjadikan adat penduduk Madinah (Amal Ahlu Madinah) sebagai salah satu sumber hokum Islam. Kerana Madinah menjadi tempat kediaman Nabi dalam membina masyarakat islam, dan juga tempat kediaman kebanyakan sahabat nabi, yang di pandang lebih memahami Al-Quran dan Hadits, sebab mereka mengetahui *asbabun nuzulnya dan asbabul wurutnya*.

## 5.1 Kaedah-kaedah hukum yang berhubungkait dengan adat/'urf ialah:

### 5.1.1 العادة شريعة محكمة

Maksudnya: "Adat itu menjadi hukum syara' yang dikokohkan"

Adapunt syarat yang membolehkan kaedah ialah apabila tidak bertentangan dengan al-Quran dan As-Sunnah, yang di ishtilahkan dengan:

ما لم يخالف نصا من الكتاب والسنة

Maksudnya: "*selama tidak bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah*"

Misalnya tradisi gotong royong, tradisi ini di benarkan oleh islam, bahkan perlu ditingkatkan, sebab sesuai dengan nash al-Quran surah al-Maidah ayat 3. sebaliknya kebiasaan berjudi, adu jago tidak di bolehkan oleh islam kerana bertentangan dengan ayat al-Quran surat al-Maidah ayat 93 dan surat an-Nur ayat 31.

### 5.1.2 المعروف عرفا كالمشروط شرطا

Maksudnya: "*Yang di kenal menurut 'urf atau adat seperti yang disyaratkan menurut syarat perjanjian.*"

Kaedah ini memberi pengertian, bahawa adat istiadat yang popular di masyarakat mempunyai kedudukan hokum seperti ketentuan hukum berasaskan syarat perjanjian.

Contohnya: memberikan uang muka untuk transaksi jual beli atau sewa menyewa, boleh hilang orang yang membeli tidak membayar penuh uang transksinya pada waktu yang telah di sepakati bersama.

### 5.1.3 الثابت عرفا كما لثابت نصا

Maksudnya: "sesuatu yang berlaku menurut ketentuan adat atau 'urf mempunyai kekuatan seperti yang berlaku menurut ketentuan nash.

Kaedah menjelaskan bahawa ketentuan hukum yang diperoleh berasaskan kepada 'urf mempunyai kekuatan seperti ketentuan hukum yang di perolah atas dasar nash al-Quran dan Sunnah selama tidak bertentangan dengan nash.

Contohnya di minang kabau hubungan famili menurut adat adalah matrilineal. Kerana itu suami dengan isteri dan anak tinggal di rumah keluarga pihak isteri (Matrilokal)

### 5.1.4 العادة احدى الحجج الشرعية فيما لا نص منه

Maksudnya: "*adat kebiasaan adalah salahsatu hjjah syara' dalam hal-hal yang tidak diperoleh ketentuannya berdasarkan nash*"

Kaedah ini memberikan penjelasan bahawa dalam hal-hal yang tidak diperoleh ketentuannya berdasarkan nash Al-Quran dan Sunnah, maka ketentuan yang terdapat dalam 'Urf atau adat dapat dijadikan sebagai dasar hokum yang dibenarkan oleh syara'

### 5.1.5 الحقيقة تترك بدلالة العادة غلط مشهور خير من صحيح مهجور

Maksudnya: "*Makna yang hakiki (yang sebenar) ditinggalkan kerana adanya petunjuk adat. Dan keilapan yang masyhur adalah lebih baik daripada benar yang ditinggalkan.*

Contohnya: seseorang yang bersumpah tidak akan memakan daging, tetapi ia memakan ikan. Maka ia tidak di pandang melanggar sumpahnya, kerana pada amnya, ikan itu hidupnya di dalam air atau sungai sedangkan daging untuk haiwan yang hidup di daratan, seperti haiwan ternak dan burung. Walaupun Al-Quran menyebutkan bahawa ikan adalah Lahman thariyya (daging segar), seperti yang telah di firmankan Allah dalam surah An-Nahal ayat 14:

وهو الذى سخرا لبحر لتأكلوا منه لحما طريا

(an-Nahal 14)

Maksudnya:" Dan dialah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu) agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan).

Contoh lain: seseorang yang bersumpah, tidak akan minum susu, lalu ia minum air maka ia tidak dikatakannya melampaui sumpahnya, kerana biasanya masyarakat membezakan antara air dengan susu, walaupun susu itu terkadang juga di sebut air susu.

## **6.0 Elemen-elemen Adat dalam Hukum positif**

Dari devinisi adat dalam hukum positif, akan menempati dua elemen asas: pertama, elemen materi iaitu kebiasaan manusia pada perilaku tertentu. Kedua, elemen maknawi atau psikologi, iaitu keyakinan manusia bahawa kaedah yang timbul dari perilaku ini sebagai kaedah yang wajib diikuti secara hukum. Dan terjadi kesepakatan penadapat dalam hukum perbandingan atas keharusan terpenuhinya dua elemen ini dalam tradisi

### **6.1 Elemen materi: kebiasaan**

Elemen material tradisi adalah kebiasaan manusi atas bentuk perilaku tertentu dari kehidupan social mereka, dimana muncul diantara mereka adat akibat mengikuti perilaku tertentu ini dan berlakunya pengamalan dengan tradisi tersebut. Kebiasaan ini tidak diwajibkan oleh otoriti tertentu sebagaimana halnya hukum, dan tidak inspirasikan oleh pehak tertentu, tapi muncul akibat perencanaan individu-individu untuk diri mereka tentang asas-asas di persekitaran mereka.

#### **6.1.1 Syarat-syarat adat yang membentuk elemen Tradisi**

##### **1. Harus adat yang am (general)**

Syarat ini kembali kepada tujuan utama, bahawa tradisi membentuk hokum yang bersifat am, sehingga hokum itu tidak trarah kepada seseorang sahaja atau banyak orang.

Maksud adat yang am adalah, adat itu harus diikuti mayoritas individu yang telah terkonsepsikan dalam masyarakat tertentu, bahawa perkara yang menjadi perhatian mereka sesuai dengan adat ini.

2. Harus adat yang lama

Adapun yang dimaksud dari adat yang lama ini adalah munculnya kembali adat yang telah lalu, menjadi bukti atas meresapnya dalam jiwa, bukan adat yang baru atau lompatan adat yang lampau. Walaupun tidak mungkin menetapkan had masa yang menetapkan kelamaannya.

3. Harus adat yang baku

Yang di maksud adat yang baku adalah jika adat itu diikuti secara teratur pada keadaan yang memenuhi makna kebakuan, sehingga dia tidak hanya diikuti manusia dalam beberapa waktu hingga mereka pindah darinya dalam waktu-waktu yang lain.

4. Tidak menyalahi sistem am atau etika am

Sebahagian ulama memberikan bahawa tradisi yang boleh dijadikan hukum adalah tradisi yang tidak menyalahi system am atau etika am , kerana tradisi yang menyalahi hal tersebut bukan sebagai hukum.

## **6.2 Elemen maknawi: Keyakinan Keharusan Mengikuti Adat**

Elemen maknawi atau psikologi ertinya munculnya keyakinan individu-individu masyarakat bahawa adat tersebut harus diikuti dengan menilainya sebagai kaedah hukum yang mendapat penghormatan dalam jiwa mereka sebagaimana hal-halnya nash-nash syari'ah yang lain.

## **7.0 Elemen-elemen adat dalam hukum Syar'i**

Adat dalam pandangan fuqaha' adalah apa boleh dilakukan mayoritas manusia baik dalam bentuk perkataan atau pun perbuatan secara berulang-ulang hingga meresap dalam jiwa mereka dan di terima dalam pemikiran mereka. Atau apa yang biasa dilakukan manusia atau sekelompok orang, sehingga meresap dalam jiwa mereka tentang perbuatan yang beredar di antara mereka atau banyak penggunaannya dalam makna khusus, atau apa yang telah di kenal manusia dan mereka lakukan tentang ucapan, perbuatan, atau meninggalkan.

Dari definisi diatas,dapat difahami bahawa fiqh islam tidak membezakan antara dua elemen adat yang dijadikan pedoman oleh hukm positif, iaitu elemen materi yang tercermin dalam kebiasaan, dan elemen maknawi yang terbentuk dalam keyakinan keharusan tradisi. Fikh islam memahami tradisi terhad dengan makna adat

### **7.1 Elemen materi dalam fikih islam dan syarat-syarat yang di tuntut di dalamnya**

Elemen materi dalam fikih islam adalah sama seperti elemen materi adat dalam hukum positif, iaitu kebiasaan banyak manusia dalam suatu perkara dalam kehidupan sosialmereka baik ucapan mahupun pekerjaan.

#### **7.1.1 Syarat-syarat adat yang menjadi elemen materi tradisi dalam fikih islam adalah:**

1. Harus adat yang am  
Maksudnya adalah adat yang diikuti oleh mayoriti manusia yang berpedoman kepada nya di tempat pelaksanaan adat tersebut.  
Dari syarat ini muslimin meletakkan kaedah yang mengatakan, sesungguhnya adat di nilai jika dia umum (*Pasal 5 Majllah Al-Ahkam Al-Hidayah*)
2. Adat Harus telah Ada ketika kejadian perbuatan yang hendak di hukumidengannya, dan bukan adat yang baharu  
Syarat ini menghendaki bahawa adat yang ingin ditetapkan dalam suatu perbuatan merupakan adat yang telah ada ketika terjadinya perbuatan tersebut.
3. harus adat yang baku  
maksudnya adalah adat diantara orang yang mengenalnya adalah berulangnya pengalaman dengan bentuk yang beratur tanpa terputus.
4. Harus adat yang tidak kontradiksi dengan penejelasan yang berbeza dengannya.  
Syarat ini dalah syarat yang mendasar dalam kaedah fikih yang mengatakan, bahawa" apa yang di kenalsecara tradisi adalah seperti yang ditetapkan dengan syarat ."(Pasal 43 Majllah Al-Ahkam Al-Adhliyah). Kerana penempatan

perkara yang di kenal pada tempat yang menjadi syarat adalah sebagai dasar bahawa meninggalkan penjelasan artinya berpegang kepada adat yang telah di kenal.

5. Harus adat yang tidak menyalahi salah satu dasar syariah yang Qath'iy atau menyalahi nash yang tidak Qath'iy yang berkaitan dengan system am

Syarat terakhir ini bagi tradisi yang di nilai dalam syari'ah adalah jika tidak menafikan nash syar'iy atau bertentangan dengan sala satu dasar syaria'ah yang qoth'iy. Jika bertentangan dengan dasar syari'ah maka di nilai sebagai tradisi yang bathil keran nash di dahulukan atas tradisi. Sebab syari'ah dating supaya setiap individu tunduk kepada hukumnya, dan bukan syari'ah yang tunduk kepada tradisi.

### **7.1.2 Elemen maknawi adat dalam fikih islam**

Fikih islam tidak menampakkan bentuk jelas elemen maknawi adat yang berdiri diatas kepastian tradisi. Dari keterangan tersebut jelas bahawa tradisi dalam pandangan islam memiliki beberapa elemen dan syarat-syarat yang di tuntutan dari pehak pakar hukum positif, walaupun dalam sebahagian keadaan terdapat perbezaan ungkapan dan kata-kata yang dipergunakan oleh masing-masing kedua kelompok ini.

## **8.0 Pelaksanaan 'Uruf dalam Aspek-Aspek Pendidikan Islam**

### **8.1 Aspek Guru**

Guru berkesan adalah satu konsep yang penting dan perlu dijayakan dalam usaha untuk memartabatkan profesion keguruan. Terdapat dua pendekatan untuk melahirkan guru berkesan. Pertama, perlunya guru mengahayati konsep pendidikan bersepadu dan seterusnya melaksanakan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Penekatan kedua, ialah meningkatkan kualiti dan potensi guru dalam aspek pedagogi dan kemahiran-kemahiran khusus dalam pengajaran dan pembelajaran. Tajul Arifin dan Nor Aini Dan (2002). Adapun pendekatan yang digunakan dalam upaya untuk mendapatkan guru yang berkesan adalah merupakan suatu "Uruf, pendekatan seperti ini adalah diterima, kalau tidak bertentangan dengan nash.

## 8.2 Aspek Pelajar

Dalam aspek pelajar ini salah satu bentuk dari pelaksanaan 'Uruf ialah, bagi semua pelajar yang belajar di sekolah-sekolah Islam dikehendaki untuk memakai songkok sewaktu mereka hendak masuk mengikuti proses P&P. Memakai songkok dalam perskitaran sekolah merupakan 'uruf yang sah kerana tidak bertentangan dengan nash Syar'iy (Al-Quran dan Sunnah). Adapun bentuk 'Uruf yang tidak boleh dilakukan seperti merokok. Kerana merokok dapat merusak kesehatan, sehingga dilarang untuk melakukannya.

## 8.3 Aspek Kurikulum dan Kokurikulum

Pelaksanaan kurikulum atau kokurikulum dalam sebuah institusi sekolah merupakan 'Uruf. Tetapi kurikulum yang di terima ialah jika kurikulum itu tidak bertentangan dengan nash al-Quran atau Hadits, seperti pelaksanaan kurikulum Hadits, wajib bagi setriap darjah untuk mengambil subjek tersebut. Contoh kokurikulum, melakukan sukan setiap hari Sabtu dan lain-lain

## 8.4 Aspek Kaedah atau Method

Banyak kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengajar, pada am nya semua kaedah itu baik. Penggunaan kaedah ترتيل قراتي اقرء dalam pengajaran tilawah Al-Quran adalah merupakan 'Uruf. Hal yang seperti ini di terima dan boleh dilaksanakan kerana tidak bertentangan dengan nash Al-Quran atau Hadith. Kaedah sudah banyak dilakukan oleh pelbagai sekolah, sama ada di Malaysia atau Indonesia

Selain dari itu menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran seperti; Tanya jawab, sharahan, ceramah, diskusi, cerita, dan lain-lain, juga tersuk 'uruf, yang boleh digunakan dalam proses P&P.

## 8.5 Pentadbiran

Pelaksanaan pendidikan Islam hendaklah diletakkan dibawah sebuah institusi pentadbiran yang kukuh supaya program pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Institusi pentadbiran induk untuk pendidikan Islam hendaklah memainkan peranan untuk menyelaras, merancang, melaksana, menyelia dan mengubahsuai program pendidikan Islam termasuk perkara-perkara perjawatan dan perkhitmatan

guru, latihan staf, kebajikan pelajar dean sebagainya. Khailani abd Jalil, Ishak Ali Shah (1993). Tugas pentadbiran induk yang telah disebutkan diatas seperti menyelaraskan, merancang, melaksana, menyelia, dan mengubahsuai program pendidikan Islam, ialah termasuk salah pelaksanaan "uruf dalam pentadbiran tersebut.

### **9.0 Kedudukan 'uruf**

Berdasarkan huraian diatas maka dapatlah di jelaskan bahawa kedudukan 'urf sebagai sumber dalam pendidikan Islam adalah sebagai sumber yang tambahan bagi nash-nash syari'ah. Allah berfirman:

خذ العفو وامر بالعرف

Maknanya:”*jadilah engkau pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf*”  
Samir Aliyah(2004)

Berdasarkan kepada maksud dari ayat diatas jelaslah bahawa kita di perintahkan untuk melakukan sesuatu yang baik ('Uruf), baik secara an atau khas.

### **10.0 Kesimpulan**

Dalam pendidikan Islam unsur-unsur tradisi atau adat('Uruf) akan dapat menyokong terciptanya nilai-nilai murni yang dikehendaki oleh dunia pendidikan. Sehingga akan tercapailah tujuan pendidikan islam untuk melahirkan manusia yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT

Pelaksanaan tradisi ('Uruf/adat) dalam pelbagai institusi pendidikan adalah di nilai sebagai sesuatu yang di bolehkan oleh agama jika tidak bertentangan dengan nash-nash syar'iy atau Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. seperti adanya program pendidikan guru untuk identity guru yang berkesan, pelaksanaan disiplin berpakaian kemas dalam persekitaran sekolah untuk seluruh pelajar, pelaksanaan kurikulum, pelaksanaan kaedah yang digunapakai dalam pengajaran, dan pelaksanaan program pentadbiran dan lain-lain.

## Rujukan

Khailani abd Jalil, Ishak Ali Shah (1993) *Pendidikan Islam Era 2020: Tasawr dan strategi*. Tekno Edar

Mohamad Daut Ali (1998) *Pendidikan Agama Islam*. PT Raja Grafindo Persada. Jakarta

Mahmud Abu Zahrah (1994) *Ushul Fiqih*. PT Pustaka Firdaus dengan Perhimpunan Pengembangan Pesantren Dan Masyarakat, Jakarta

Masjifuk Zuhdi (1998) *Pengantar Hukum Syariah*. Cet.2. Jakarta : Haji Masagung, 1990.

Samir Aliyah (2004) *Sistem Pemerintahan Peradilan Dan adat dalam Islam*, Pustaka Al-Kautsar Grup: Jakarta Timur

Tajul Arifin dan Nor Aini Dan (2002) *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan bersepadu*. Selangor Darul Ehsan